

24/02/2002

Aidiladha disambut meriah

KUALA LUMPUR: Umat Islam seluruh negara menyambut Aidiladha dengan penuh kesederhanaan, keinsafan dan kesyukuran, semalam, dengan melakukan solat sunat Aidiladha dan ibadah korban.

Hampir semua masjid dan surau dipenuhi jemaah untuk bertakbir, bersembahyang sunat, mendengar khutbah dan selepas itu sebahagian daripada mereka melakukan korban, terutama lembu dan kambing untuk disedekahkan kepada fakir miskin.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid menunaikan solat sunat Aidiladha bersama pembesar negeri serta rakyat di Masjid Negeri, Arau.

Turut hadir Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin dan Raja Puan Muda Perlis, Lailatul Shahreen Akashah.

Selepas solat sunat, baginda berdua bersama kerabat diraja menziarahi makam ayahandanya, Almarhum Tuanku Syed Putra Jalamullail, di Makam Diraja Arau berhampiran masjid itu.

Baginda turut mengadakan rumah terbuka di Istana Arau bermula jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi yang dihadiri rakyat pelbagai kaum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini melakukan lawatan kerja di London melakukan ibadah korban dengan menyumbangkan empat ekor lembu, masing-masing untuk masjid di Titi Gajah; Kampung Tanjung, Tunjang; Kepala Batas dan Kampung Paya Kechut, Pendang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menunaikan solat sunat Aidiladha bersama umat Islam di Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas.

Selepas itu, beliau menghadiri upacara penyembelihan lembu korban di Pusat Sembelihan Kampung Permatang Bertam.

Abdullah yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas turut menyumbang 20 ekor lembu untuk dikorbankan.

Timbalan Perdana Menteri melawat tempat sembelihan lembu korban di Masjid Jamek Penaga dan menghadiri kenduri korban di Masjid Jamek Pantai Kamlon bersama penduduk kampung.

Abdullah juga meluangkan masa bertemu penduduk Permatang Tinggi C yang terbabat dalam kejadian ribut kelmarin yang mengakibatkan rumah mereka rosak teruk.

Di ALOR STAR, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Zahir bersama ribuan rakyat jelata.

Di KUALA PILAH, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Tuan Abdul Rahman dan Tuanku Najihah, bersembahyang sunat Aidiladha di Masjid Seri Menanti, dekat sini.

Selepas bertahlil di Makam Diraja Seri Menanti, baginda mengadakan rumah terbuka di Istana Seri Menanti.

Di KUANTAN, Sultan Pahang dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, menunaikan solat di Masjid Negeri Sultan Ahmad Satu, bersama kira-kira 2,000 umat Islam.

Turut menunaikan solat di masjid itu, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Selepas solat, majlis korban membabitkan sembilan ekor lembu dilakukan berdekatan pekarangan masjid, termasuk dua ekor lembu sumbangan Ami Insurans Berhad, anak syarikat The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

Di KOTA BHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan solat sunat

Aidiladha di Masjid Muhammadi bersama ribuan umat Islam di sini.

Sultan dan Raja Perempuan kemudian berangkat ke Istana Balai Besar bagi menemui rakyat pada majlis penghadapan berhari raya.

DI SHAH ALAM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo bersama kira-kira 10,000 umat Islam solat sunat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Baginda turut menyaksikan majlis penyembelihan 20 lembu korban di pekarangan masjid.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abang Mohamad Salahudin dan isterinya, Toh Puan Norkiah serta Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud antara beribu-ribu warga bandar raya ini menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Jamek Negeri, di Petra Jaya, di sini.

Di KOTA KINABALU, Umat Islam melakukan solat sunat di dua masjid di ibu negeri - Masjid Bandaraya, Likas dan Masjid Negeri, Sembulan.

Yang Di-Pertuan Negeri, Tun Sakaran Dandai berada di tanah suci kerana melakukan ibadah haji.

Di IPOH, Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah, Raja Di Hilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali bersama kira-kira 3,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Sultan Idris Shah II.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam adalah antara 10,000 umat Islam yang menunaikan solat sunat di Masjid al-Azim, Bukit Palah.

(END)